

Soalan 1 – 6

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Sultan Mahmud sangat mengasihi _____ nya yang jelita dan sopan santun itu.
A puteri C menteri
B putera D hulubalang
- 2 Kami sekeluarga gemar menjamu selera di _____ kerana makanan dan minuman di restoran itu sangat lazat sekali.
A restoran seri menanti
B restoran seri Menanti
C restoran Seri Menanti
D Restoran Seri Menanti
- 3 Pasukan bola sepak sekolah saya telah menewaskan pasukan lawan daripada sekolah lain dalam _____ petang semalam.
A pertandingan bola sepak kebangsaan
B pertandingan bola sepak Kebangsaan
C pertandingan Bola Sepak Kebangsaan
D Pertandingan Bola Sepak Kebangsaan
- 4 Tan Sri P. Ramlee merupakan seorang _____ yang tersohor di tanah air kita.
A seniwati
B seniman
C karyawan
D budayawan
- 5 _____ disambut pada 31 Ogos setiap tahun.
A Hari Guru
B Hari Pekerja
C Hari Kebangsaan
D Hari Sukan Sedunia
- 6 "Saya berharap agar _____ dapat berlatih dengan bersungguh-sungguh untuk memenangi kejohanan ini," kata Encik Jahan kepada pemain-pemain di bawah kelolaannya.
A anda C kalian
B kamu D engkau

Soalan 7 – 9

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 7 Beberapa orang mahasiswa dari Universiti A Kebangsaan Malaysia menyertai program B khidmat sosial di kampung Seroja.
Tiada kesalahan.
D
- 8 Ibu bapa perlu menerapkan sikap sayang A akan alam sekitar kepada anak-anaknya sejak B bangku sekolah lagi. Tiada kesalahan.
C D
- 9 Amalan menabung memberikan keuntungan A kepada kita selain mengurangkan beban C keluarga. Tiada kesalahan.
D

Soalan 10

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 10 I "Kalau tidak silap saya haiwan itu ialah Sang Kancil, tuanku," kata Bendahara.
II Adik berasa sedih kerana Si Tompok kesayangannya mati digilis kereta jiran.
III Kita harus menolong jiran mengawasi rumah semasa ketiadaan mereka.
IV Beliau banyak menabur jasa kepada negara.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja